PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR
05 Februari 2016 (Jumaat)

Berita Harian
Syarat baharu LPHS beban pembeli 1
LZS sasar kutipan RM645j 2
Tapak binaan dikesan sambung air 3

Utusan Malaysia
MBSA senarai hitam 75 pesalah gagal jelas kompaun tahun lalu 4
Denggi :Selangor catat kematian tertinggi 5

Harian Metro
Senario kes denggi menakutkan penduduk 6
Bina pusat kawalan penyakit berjangkit kebangsaan 7
MBSA edar 100 unit tong sampah 8

Kosmo
SPAN, Syanbas serbu tapak pembinaan curi air 9
Selangor tak gusar kalah tiga kali 10

Sinar Harian
Denggi tertinggi di Selangor 11
Mukhriz jauh lebih bertuah 12
Ahli Majlis MPK ke-23 angkat sumpah 13
Jual barang tamat tempoh 14
I-Blacklist cara baharu buru pesalah 15
Terpaksa sewa bas PLKN 16
Pengguna perlu ubah sikap negatif 17
Penduduk lega MDHS pasang CCTV 18

The Star
MPAJ's new caupon parking system put on hold 19
SS24 residents unite to foght dengue threat 20
Residents want illegal dumpsite cleared 21
Serdang commuters upset over poor bus services 22
RSC lads march on 23
Loans sharks 24

New Straits Times
Subra's Bangi shocker 25

The Sun
SYABAS LOSES RM150,000 IN WATER THEFT 26

TV1 & TV3
- -

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Syarat baharu LPHS beban pembeli
Muka Surat	:	12

Syarat baharu LPHS beban pembeli

Shah Alam: Pelbagai syarat baharu yang dikenakan Lembaga Perumahan dan Harta Selangor (LPHS) untuk pemohon rumah mampu milik di negeri ini, dilihat semakin membebankan rakyat Selangor.

Terbaru, LPHS dikatakan mengenakan syarat bakal pembeli perlu merujuk status kewangan mereka di Bank Negara sama ada disenaraikan sebagai muflis atau sebaliknya, serta perlu menyediakan penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Tanggungan tinggi

Presiden Kelab Harmoni Selangor (KHS), Dr V Sunder, berkata kerajaan negeri perlu memikirkan cara terbaik bagi membolehkan rakyat membeli rumah dan bukannya membina dan menjual hartanah di luar kemampuan pembeli.

Katanya, berdasarkan aduan diterima, ada rumah yang harga asalnya hanya RM42,000 dinaikkan mencecah RM100,000 dengan alasan rumah itu kawasan bandar.

"Kebanyakan individu dewasa yang bekerja di Selangor berpendapatan RM4,000 sebulan dan hanya mampu membeli rumah berharga di bawah RM200,000.

"Bagaimanapun, mereka gagal mendapatkan kelulusan bank kerana kos tanggungan melebihi jumlah pendapatan sedia ada untuk membeli rumah berkenaan.

"Hasil kajian, sebanyak 80 peratus rumah mampu milik dibina di sekitar Selangor dan hanya 20 peratus sahaja terdiri daripada rumah kos rendah dan sederhana rendah yang benar-benar mampu dimiliki.

Tidak prihatin

"Sedangkan, lebih 50 peratus penduduk di negeri ini mempunyai jumlah pendapatan isi rumah kurang daripada RM4,000 sebulan.

"Ini sekali gus membuktikan kerajaan Selangor tidak memahami apa yang sebenarnya dimahukan oleh rakyat," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	LZS sasar kutipan RM645j
Muka Surat	:	29

LZS sasar kutipan RM645j

» *Faktor kesedaran keluarkan zakat semakin meningkat*

Oleh Ahmad Fadzly Esa
bhnews@bh.com.my

Shah Alam

Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyasarkan kutipan dan agihan zakat sebanyak RM645 juta pada tahun ini.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Datuk Mohamad Adzib Mohd, berkata sasaran itu dibuat selepas mengambil kira faktor kesedaran mengeluarkan zakat yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat serta peningkatan bilangan golongan asnaf saban tahun.

"Kutipan zakat tahun ini lebih mencabar berbanding tahun sebelumnya. Jumlah keseluruhan fakir dan miskin pada 2015 adalah seramai 44,293 keluarga," katanya kepada pemberita pada sidang media pengumuman prestasi kutipan dan agihan zakat negeri Selangor di Bangunan Sultan Idris Shah, di sini, semalam.

Mohamad Adzib bersama Pengurus Besar Lembaga Zakat Selangor (LZS), Abdul Basith Hamid (kiri) menunjukkan ***replika prestasi kutipan dan agihan zakat Selangor*** *di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam.* [FOTO NAZRAN JAMEL/BH]

Penerima meningkat

Mohamad Adzib berkata, daripada jumlah itu, bilangan asnaf fakir yang menerima bantuan adalah seramai 13,138 keluarga, manakala bagi asnaf miskin, seramai 31,155 keluarga diberikan zakat berbanding 30,048 keluarga pada tahun sebelumnya.

Mohamad Adzib berkata, LZS mengutip sebanyak RM626.6 juta pada 2015 yang menunjukkan peningkatan berbanding kutipan RM582.3 juta pada 2014.

"Daripada jumlah itu, sebanyak RM605.2 juta adalah kutipan zakat harta, manakala RM21.5 juta daripada zakat fitrah," katanya.

Buka dua cawangan

Beliau berkata, jumlah pengeluar zakat harta bagi 2015 pula adalah seramai 256,540 orang, meningkat tiga peratus berbanding 248,013 orang pada tahun sebelumnya.

Katanya, bagi agihan wang zakat, sebanyak RM676.3 juta diagihkan kepada asnaf pada 2015, meningkat sebanyak 14 peratus berbanding RM595.7 juta pada tahun sebelumnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad Adzib berkata LZS sudah membuka dua cawangan di Klang dan Cyberjaya, menjadikan sebanyak 28 cawangan sudah dibuka di seluruh Selangor.

Pada masa sama, katanya, sebuah pusat dialisis MAIS dengan kerjasama antara LZS dan Yayasan Darul Ehsan (YIDE) dijangka akan beroperasi pada April ini bertempat di Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong di sini.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Tapak binaan dikesan sambung air
Muka Surat	:	30

Tapak binaan dikesan sambung air

Kuala Lumpur: Sebuah tapak pembinaan di Seksyen 85A, Bandar Baru Sentul dikesan menyambung air secara haram daripada paip utama Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS).

Serbuan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bersama SYABAS menemui sambungan air menggunakan paip berukuran 32 milimeter daripada paip utama.

Eksekutif Unit Komunikasi Korporat SPAN, Syaidatul Ehya, berkata pihaknya membuat ujian klorin dan mengesahkan bekalan air yang digunakan tapak pembinaan itu adalah air terawat milik SYABAS.

"Mereka menggunakan sumber air berkenaan untuk menampung kegunaan kehidupan harian lebih kurang 100 pekerja dan juga membasuh tayar lori yang menghantar bekalan binaan.

"SPAN akan melakukan siasatan lanjut dan jika didapati bersalah kerana melakukan penyambungan haram mereka akan didakwa mengikut Seksyen 123 (1), Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya,

"Orang ramai yang melihat sebarang kesangsian membabitkan kes kecurian air disarankan untuk membuat laporan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	MBSA senarai hitam 75 pesalah gagal jelas kompaun tahun lalu
Muka Surat	:	27

MBSA senarai hitam 75 pesalah gagal jelas kopmpaun tahun lalu

SHAH ALAM 4 Feb. - Sebanyak 75 pesalah tempat letak kenderaan yang gagal menjelaskan kompaun dengan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) disenari hitam dan disekat untuk membuat pembaharuan cukai jalan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada tahun lalu.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat MBSA, Shahrin Ahmad berkata, tindakan itu diambil selepas pihaknya melaksanakan proses menyenarai hitam melalui Sistem I-Blacklist dengan kerjasama pihak JPJ sejak tahun lalu.

Menurutnya, pelaksanaan itu melibatkan sekatan untuk memperbaharui cukai jalan dengan pihak JPJ terhadap Orang Kena Kompaun (OKK) yang mempunyai rekod kesalahan tidak meletak kenderaan di tempat letak kereta yang disediakan mengikut Undang-Undang Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBSA.

"Pada tahun 2015, sebanyak 75 kes telah disenarai hitam, 57 kes Waran Tangkap dilaksanakan ke atas OKK manakala 1,484 kes telah didaftarkan ke mahkamah untuk tujuan pendakwaan.

"Jumlah kompaun tempat letak kereta yang masih belum berbayar sehingga Disember 2015 melibatkan 279,229 keping kompaun iaitu berjumlah RM27.9 juta dengan kutipan kompaun sepanjang 2015 hanya RM2 juta," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Shahrin berkata, OKK boleh melayari laman sesawang MBSA untuk semakan kompaun bagi memastikan mereka tidak berdepan dengan masalah untuk melunaskan urusan dengan pihak JPJ.

"Kami uga telah mempelbagaikan saluran pembayaran kompaun seperti di Kaunter Utama Wisma MBSA Persiaran Perbandaran Seksyen 14, ShahAlam; Pejabat Cawangan Sungai Buloh, Pejabat Cawangan Kota Kemuning, Pejabat Cawangan Setia Alam, kaunter Bank Muamalat, Maybank 2U dan Wang Pos.

"MBSA turut menyediakan perkhidmatan Pejabat Bergerak 'Shah Alam On Wheel' (SAOW) setiap hari Sabtu pada masa, tempat dan tarikh yang ditetapkan," ujarnya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Denggi :Selangor catat kematian tertinggi
Muka Surat	:	28

Denggi: Selangor catat kematian tertinggi

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 4 FEB.**

PENULARAN demam denggi di negara ini masih berada pada tahap membimbangkan terutama di Selangor apabila negeri itu kekal menyumbang jumlah kes tertinggi iaitu 7,355 kes dengan 12 kematian bagi tempoh Januari sehingga kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, Selangor masih lagi penyumbang utama kepada kes denggi walaupun jumlah kes mencatat penurunan sebanyak 27 kes iaitu 0.5 peratus berbanding tahun lalu bagi tempoh yang sama.

Menurut beliau, pada tahun lalu, jumlah kes dilaporkan ialah 7,382 kes dan 22 kematian berbanding tahun ini 7,355 kes dan 12 kematian.

"Secara keseluruhannya, jumlah terkumpul kes denggi yang dilaporkan pada tahun ini sehingga Selasa lalu mencatat peningkatan sebanyak 15.1 peratus iaitu 15,251 kes berbanding 13,252 kes pada 2015. Bagaimanapun, jumlah kematian menurun sebanyak 7.5 peratus iaitu daripada 40 kepada 37 pada tahun ini.

"Sementara itu, Pulau Pinang mencatat kematian kedua tertinggi iaitu tujuh kematian diikuti Terengganu (enam), Negeri Sembilan (lima) dan Johor (dua). Oleh itu, kita menggesa supaya pemimpin dan masyarakat setempat memainkan peranan yang lebih aktif bagi menggerakkan aktiviti gotong-royong bagi memastikan wabak ini dapat dikawal dan dicegah daripada terus berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke kawasan *hot spot* denggi di Apartmen Seri Cempaka di sini hari ini yang turut dihadiri Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah.

S. SUBRAMANIAM menunjukkan jentik-jentik yang dijumpai pegawai kesihatan ketika mengadakan lawatan ke kawasan *hot spot* denggi di Apartmen Seri Cempaka, Bandar Baru Bangi, semalam.

Mengenai tindakan saman terhadap mana-mana pihak berkuasa tempatan (PBT) jika gagal menyelesaikan kes denggi, Subramaniam berkata, setakat ini pihaknya telah mengeluarkan beberapa amaran agar wabak tersebut ditangani segera.

"Terdapat beberapa PBT yang telah diberikan amaran supaya membersihkan kawasan pentadbiran masing-masing dan setakat ini tiada notis kompaun dikeluarkan," katanya.

Mengulas mengenai lawatan tersebut, Subramaniam menjelaskan, Apartmen Seri Cempaka merupakan lokaliti yang kerap berlaku wabak denggi dan kadar pembiakan sebanyak 2.6 peratus iaitu hampir tiga kali ganda daripada kadar sensitif.

"Kita mendapati pembiakan berpunca dari luar rumah terutama di kawasan pembuangan sampah, kereta terbiar dan di dalam rumah seperti bekas penyimpanan air.

"Oleh itu, penduduk dinasihat supaya memastikan tiada bekas takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes dan membersihkan kawasan sekeliling," katanya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Senario kes denggi menakutkan penduduk
Muka Surat	:	4

Senario kes denggi menakutkan penduduk

Bukit Beruntung: Selangor mencatatkan kes denggi paling tinggi di negara ini dan berdasarkan laman web rasmi iDengue Kementerian Kesihatan, negeri itu merekodkan 154 kes harian pada bulan lalu manakala kes terkumpul 6,910 dalam tempoh berkenaan.

Daerah Hulu Selangor turut tidak terkecuali 'diserang' kes berkenaan, malah difahamkan 181 kes demam denggi direkodkan di daerah itu membabitkan dua kematian dalam tempoh sebulan pada Januari lalu.

Angka itu dianggap tinggi dan membimbangkan kerana berlaku dalam tempoh singkat.

Bagi daerah ini kes denggi tertinggi dilaporkan berlaku di kawasan bandar antaranya di Bukit Sentosa, Bukit Beruntung, Batang Kali dan Serendah.

Penduduk Taman Seroja 3, Bukit Sentosa, Mohd Aan Jaafar Hashim, 37, berkata, kes demam denggi di kawasan kediamannya mengejutkan kerana bertambah secara mendadak.

"Kes demam denggi ini sudah berlaku sejak hujung tahun lalu lagi dan saban hari ada saja penduduk di sini menghidap demam denggi seterusnya dimasukkan ke hospital.

"Paling mengejutkan apabila ada kematian akibat denggi ini di taman perumahan bersebelahan menyebabkan kami semua dilanda kebimbangan," katanya ditemui, baru-baru ini.

Penduduk Taman Seroja 5, Arbaiyah Ishak, 57, berkata, senario denggi ketika ini dianggap sangat menakutkan dan seperti wabak penyakit berjangkit.

"Kami dalam keadaan ketakutan ketika ini," katanya.

PENDUDUK bergotong-royong membersihkan kawasan perumahan.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bina pusat kawalan penyakit berjangkit kebangsaan
Muka Surat	:	29

Bina Pusat Kawalan Penyakit Berjangkit Kebangsaan

Kuala Lumpur: Pusat Kawalan Penyakit Berjangkit Kebangsaan akan dibina di kawasan tapak rumah bekas pesakit kusta dekat Hospital Sungai Buloh (HSB) dekat sini, selepas rumah berkenaan dirobohkan mulai Jun depan.

Pengarah HSB, Datuk Dr Khalid Ibrahim berkata, pihaknya juga merancang membina Kuarters Integrasi sebanyak 1,000 unit di kawasan itu.

Beliau yang ditemui pemberita selepas program Jalinan Kasih Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di hospital itu berkata ia adalah perancangan jangka panjang HSB untuk memberi kemudahan kepada orang ramai.

"Selepas pendedahan mengenai pencerobohan kawasan itu oleh warga asing, kami membuat permohonan pelupusan (merobohkan) rumah serta bangunan di situ. Selepas mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) (untuk dirobohkan), barulah kami dapat merancang pembangunan semula tanah di situ," katanya.

Semalam, Khalid dilaporkan berkata, semua rumah bekas pesakit yang kosong dan terbiar di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) akan dirobohkan mulai Jun ini bagi mengelak terus diceroboh warga asing dan pengusaha pokok hiasan.

Beliau berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Kementerian Kesihatan bersama beberapa agensi termasuk JKR serta Majlis Perbandaran Selayang (MPS), kelmarin.

Mengulas mengenai kegiatan pencerobohan di kawasan itu, Khalid berkata kegiatan itu sudah berkurangan antara 20 hingga 30 peratus selepas isu itu mendapat perhatian semua pihak, namun pemantauan harus dilaksanakan terus menerus.

Akhbar tempatan pada bulan lalu membongkar tindakan warga asing, termasuk pendatang tanpa izin yang 'menakluk' kawasan PKKN sejak 10 tahun lepas.

Laporan berkenaan menyatakan tidak kurang 50 rumah yang dahulunya didiami pesakit kusta kini menjadi kampung bagi pendatang asing tanpa izin terbabit.

Pada majlis itu yang turut dihadiri Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah, perbadanan itu menyumbang dua alat penapis air bernilai RM7,400 untuk kegunaan penghuni PKKN selain pemberian angpau dan limau mandarin sempena meraikan sambutan Tahun Baru Cina tidak lama lagi. – BERNAMA

Warga asing masih huni pusat kusta

Sungai Buloh: Kelihat warga asing masih kelihatan di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) yang diocupasi bekerja dan menghuni di kawasan dikhususkan kerajaan kepada pesakit dan bekas pesakit kusta.

Tinjauan Harian Metro mendapati segelintir warga asing terdiri daripada warga Indonesia bekerja di kawasan tanaman rumput dan tapak semaian bunga atau nursery.

Warga asing terbabit turut kelihatan di kedai minuman di dalam kawasan berkenaan.

Dibandingkan jumlah warga asing sebelum serbuan dilakukan Jabatan Imigresen Selangor pada

PUSAT KUSTA DITAWAN WARGA ASING

LAPORAN Harian Metro 8 Januari 2013.

"Sehingga kini, tindakan hanya dilakukan menerusi memotong bekalan air dan elektrik ke chalet berkenaan sungaya ia tidak dihuni orang lain," katanya.

Katanya, perancangan membaik pulih wad lama di PKKN akan dijalankan pada tahun ini elektrik serta air secara percuma yang disediakan kerajaan untuk pesakit sebelum ini.

Susulan pendedahan itu, PKKN diserbu Jabatan Imigresen Selangor dan menahan 12 warga asing atas kesalahan tiada permit dan tinggal di negara ini melebihi tempoh dibenarkan.

Dr Azman sebelum ini menyatakan, kehadiran warga asing di PKKN berpunca anahila mereka bekerja dengan bekas pesakit kusta yang sebelum ini mendapat kebenaran bercucuk tanam.

Mengikut Akta Kusta 1926, bekas pesakit kusta diberikan plot tanah untuk bercucuk tanam se-

LAPORAN Harian Metro, 11 Januari 2014 lalu.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	MBSA edar 100 unit tong sampah
Muka Surat	:	48

AHMAD Zaharin (dua dari kanan) menyerahkan tong sampah kepada penduduk di sekitar Seksyen 24.

MBSA edar 100 unit tong sampah

Shah Alam: Sebanyak 100 unit tong sampah diedarkan kepada penduduk sekitar Seksyen 24 oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini, semalam.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA Shahrin Ahmad berkata, program penyerahan tong sampah berkenaan disempurnakan Datuk Bandar Shah Alam Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad.

"Program ini adalah komitmen MBSA dalam memupuk sikap mementingkan kebersihan dalam kalangan warga bandar raya ini.

"Selain itu, penduduk akan lebih bertanggungjawab di dalam memelihara alam sekitar melalui program ini," katanya.

Shahrin berkata, penyerahan tong sampah berkenaan adalah sebahagian daripada 300 unit tong sampah yang diterima MBSA daripada kerajaan negeri.

Beliau berkata, baki 200 unit tong sampah lagi akan diedarkan ke Zon 6 dan Zon 23 dalam masa terdekat.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	SPAN, Syanbas serbu tapak pembinaan curi air
Muka Surat	:	18

SPAN, Syabas serbu tapak pembinaan curi air

KUALA LUMPUR – Kegiatan sebuah tapak pembinaan menyambung bekalan air secara haram terbongkar apabila kawasan itu diserbu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) di Lot 148, Seksyen 85A, Bandar Baru Sentul di sini semalam.

Eksekutif Unit Komunikasi Korporat SPAN, Syaidatul Ehya berkata, dalam operasi penguatkuasaan itu, sebuah paip poli berukuran 32 milimeter (mm) yang berada di bawah tanah didapati telah disambung secara tidak sah dengan paip air milik Syabas.

Beliau berkata, penyambungan paip haram itu dipercayai telah dilakukan sejak setahun lalu menyebabkan Syabas mengalami kerugian hampir RM150,000.

"Sambungan paip itu bertujuan menyalurkan bekalan air ke sebuah tangki di tapak pembinaan tersebut yang digunakan untuk kerja-kerja pembinaan serta kegunaan buruh asing," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Unit Komunikasi Korporat Syabas, Amin Lin Abdullah berkata, pemeriksaaan mendapati premis di tapak pembinaan itu tidak mempunyai bekalan air terawat yang berdaftar dengan Syabas.

Beliau memberitahu, ujian klorin ke atas bekalan air di premis tersebut mendapati kontraktor tapak pembinaan itu telah mengambil bekalan air terawat Syabas secara tidak sah.

Katanya, susulan serbuan itu, Syabas telah mengeluarkan notis pemberitahuan kepada syarikat terbabit dan sambungan paip haram tersebut telah dipotong.

"Jika kontraktor berkenaan disahkan mencuri air, mereka boleh didakwa di bawah Seksyen 123(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang jika sabit boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

SYAIDATUL (empat dari kiri) bersama Amin Lin (tiga dari kiri) memeriksa sambungan paip haram di sebuah tapak pembinaan di Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur semalam.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Selangor tak gusar kalah tiga kali
Muka Surat	:	62

Fokus perlawanan Piala Sumbangsih menentang Johor DT minggu depan

Selangor tak gusar kalah tiga kali

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

SHAHROM (kanan) enggan berasa panik ekoran tiga kekalahan pada aksi persahabatan kerana Selangor dalam proses membentuk keserasian dalam kalangan pemain.

RENTETAN tiga kekalahan pada perlawanan pramusim tidak menggusarkan kapten Selangor, Muhammad Shahrom Abdul Kalam yang menganggap aksi pemanas badan itu lebih kepada mencari keserasian dalam kalangan pemain selain mendapatkan kecergasan sebelum saingan Liga Malaysia (Liga M) bermula secara rasmi minggu depan.

Selepas tewas mengejut kepada Pulau Pinang minggu lalu, skuad Gergasi Merah dikecewakan oleh dua kelab Thailand, Nakhon Pathom dan Samut Songkhram BTU FC dalam siri jelajah pramusim di Bangkok yang berakhir kelmarin.

"Secara peribadi, perlawanan persahabatan pramusim adalah lebih kepada mencari keserasian untuk memastikan para pemain beraksi dalam satu pasukan.

"Selain itu, fokus utama adalah untuk memastikan para pemain cergas selain bersedia sepenuhnya menjelang perlawanan menentang Johor Darul Takzim (Johor DT) minggu depan," katanya kepada pemberita di Petaling Jaya semalam.

Mengulas mengenai perlawanan pembukaan musim Liga M itu nanti, Shahrom enggan terlalu yakin meskipun Selangor masih segar dengan kejayaan menjuarai Piala Malaysia pada tahun lalu.

"Kami lebih selesa dengan status *underdog* kerana Johor DT adalah pasukan yang kuat ekoran mereka berjaya mencatatkan sejarah tersendiri dengan menjuarai Piala Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC).

"Bagaimanapun, kami akan berusaha untuk memberi tentangan sengit kepada mereka kerana saya berpendapat, perlawanan rasmi pertama adalah sangat penting untuk menentukan hala tuju sesebuah pasukan," jelas pemain berusia 36 tahun itu.

Dalam perkembangan lain, Shahrom turut memuji kehadiran dua bintang import baharu, Patrick Ronaldinho Wleh dan Mauro Olivi walaupun masih belum serasi sepenuhnya dengan pasukan Selangor.

"Saya berpendapat Patrick (Ronaldinho) tidak mempunyai sebarang masalah dengan pasukan kerana dia telah beraksi dalam Liga M bagi tempoh yang agak lama. Justeru, rakan-rakan sepasukan tidak mempunyai masalah untuk serasi dengan corak permainannya.

"Namun, saya akui kami mempunyai sedikit masalah komunikasi dari segi bahasa dengan (Mauro) Olivi kerana ini adalah kali pertama dia bermain di luar benua Amerika Selatan.

"Bagaimanapun, saya percaya kami akan saling memahami tahap permainan masing-masing dalam tempoh terdekat," ujarnya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Denggi tertinggi di Selangor
Muka Surat	:	1

Tumpu kawalan aedes

SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR & NUR FARHANA ABDUL MANAN

BANGI - Kementerian Kesihatan akan beri tumpuan kepada kawalan nyamuk aedes termasuk memusnahkan kawasan pembiakannya bagi mencegah penyebaran wabak demam denggi dan virus Zika.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, ini berikutan nyamuk aedes merupakan vektor yang sama kepada dua penyakit tersebut.

"Memang ada kebimbangan dalam kalangan rakyat jika virus ini (Zika) menular ke negara ini. Apatah lagi virus ini disebarkan oleh vektor yang sama iaitu nyamuk aedes.

"Jadi kawalan nyamuk aedes bukan saja penting untuk kawal denggi tetapi ini juga cara bagi pastikan jika virus Zika datang ke Malaysia, kita dapat kurangkan penyebarannya. Kita kena meningkatkan lagi usaha kurangkan tempat pembiakan nyamuk Aedes," katanya di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, antara faktor penyebaran virus Zika yang paling dibimbangi ialah melalui perjalanan ke negara-negara yang sudah terjejas dengan virus berkenaan.

"Sekarang untuk ke luar negara adalah sangat mudah. Jika dijangkiti, mereka mungkin tidak tahu sebab tidak ada simptom.

"Kemudian mereka pulang ke negara ini dan digigit pula oleh nyamuk aedes. Apabila proses itu sudah bermula, susah untuk kita kawal, itu yang kita bimbang," katanya.

SUBRAMANIAM

Ketika ditanya mengenai tempoh penyebaran virus Zika, Subramaniam berkata, ia secepat penularan denggi.

"Sebab itu kita guna semua mekanisme yang ada untuk kawal nyamuk aedes. Tempoh inkubasinya dua minggu iaitu sama macam denggi.

"Dalam tempoh itu nyamuk boleh jangkiti orang lain. Cuma bezanya denggi boleh sebabkan kematian, manakala virus Zika beri kesan kepada bayi dalam kandungan," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan sebanyak 15,251 kes demam denggi direkodkan tahun ini sehingga Sabtu lalu, iaitu peningkatan 15 peratus berbanding 13,252 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Menurutnya, jumlah tertinggi dicatatkan di Selangor iaitu 7,355 kes, manakala jumlah kematian menurun 7.5 peratus atau 37 kematian berbanding 40 kematian tahun sebelumnya.

Katanya, daripada 37 kematian, Selangor mendahului dengan 12 kes, diikuti Pulau Pinang (tujuh kes), Terengganu (enam), Negeri Sembilan (lima), Johor (dua) dan masing-masing satu kes di Kuala Lumpur, Melaka, Pahang, Sabah dan Sarawak.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Mukhriz jauh lebih bertuah
Muka Surat	:	4

Mukhriz jauh lebih bertuah

■ RAZIATUL HANUM A.RAJAK

SHAH ALAM - Penganalisis politik melihat senario pertukaran menteri besar yang berlaku sebelum ini di Terengganu dan Selangor berbeza dengan kes terbaharu di Kedah melibatkan, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir.

Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Dr Maszlee Malik berkata, kedua-dua bekas menteri besar itu, Datuk Seri Ahmad Said dan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim terus malap dan menjadi 'low profile' sejak disingkirkan.

"Hal ini amat berbeza dengan Mukhriz. Beliau mempunyai kelebihan sebagai anak bekas Perdana Menteri dan lebih bertuah ialah anak kepada Tun M (Tun Dr Mahathir Mohamad) yang memberikan kredit lebih kepadanya.

"Mukhriz tidak pernah dikenali sebagai pejuang dalam karier politiknya semenjak zaman Pemuda Umno, namun bayangan Tun M memberikan kredit yang banyak di dalam karier politik beliau.

"Ini tiada pada kedua-dua bekas menteri besar di Selangor dan Terengganu itu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Mei 2014 lalu, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman dilantik sebagai Menteri Besar Terengganu menggantikan Ahmad Said manakala pada September tahun sama, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Selangor menggantikan Abdul Khalid.

Semalam, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah pula dilantik sebagai Menteri Besar Kedah yang baharu menggantikan Mukhriz setelah krisis yang berlarutan kira-kira dua minggu.

Mengulas lanjut, Dr Maszlee menyatakan keyakinannya bahawa, tiada lagi mana-mana menteri besar yang berani 'menegur' Datuk Seri Najib Tun Razak terhadap isu-isu yang mengelilingi Presiden Umno itu.

"Persoalan sama ada Ahmad Bashah mampu menyaingi Mukhriz bukan prioriti utama Umno sekarang. Pemecatan Mukhriz merupakan isyarat Najib kepada para pemimpin Umno agar tidak melawannya. Najib telah berjaya memperkemaskan cengkaman kuasanya di negeri-negeri di bawah pentadbiran BN.

"Tapi, apa yang pasti agak mustahil untuk Ahmad Bashah menjadi pengganti lebih baik seperti Azmin di Selangor. Namun, jika kerajaan pusat boleh menyalurkan sejumlah besar projek ke Kedah, maka Ahmad Bashah akan menjadi bintang," katanya.

Namun katanya, susulan keadaan ekonomi mutakhir ini, perkara tersebut agak sukar.

"Kecuali jika terdapat Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang besar masuk ataupun Kedah menemui telaga minyak baru," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Sains Sosial dari Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Prof Madya Dr Jeniri Amir melihat, pertukaran ketiga-tiga menteri besar di Terengganu, Selangor dan Kedah susulan pemimpin itu sudah tidak lagi disenangi parti mahupun sebahagian Adun.

"Presiden parti yang memilih mereka untuk menjadi menteri besar. Jadi apabila seseorang menteri besar itu sudah tidak lagi disenangi atau tidak lagi mendapat sokongan sebahagian besar Adun seperti yang berlaku di Kedah, maka beliau (menteri besar) tidak mempunyai pilihan kecuali berundur.

"Itu juga sebenarnya jalan terbaik untuk mengelakkan krisis politik berlarutan sehingga boleh menjejaskan pentadbiran negeri. Lebih-lebih lagi bagi Umno di mana kedudukannya di Kedah misalnya tidaklah begitu mantap. Jadi, apa-apa sahaja boleh berlaku," katanya.

Menyentuh soal suasana di Selangor dan Terengganu yang kian reda sejak krisis pertukaran menteri besarnya, beliau mengingatkan dengan menggunakan perumpamaan bahawa 'air yang tenang jangan disangka tiada buaya'

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Ahli Majlis MPK ke-23 angkat sumpah
Muka Surat	:	35

Ahli Majlis MPK ke-23 angkat sumpah

KLANG - Seorang lagi wakil dari Pas mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK) pada mesyuarat bulanan MPK, di Bilik Mesyuarat Raja Mahadi, di sini, semalam.

Mohd Prasad Hanif menjadi wakil ke-23 mengangkat sumpah, sekali gus menjadikan kerusi ahli majlis tinggal satu sahaja lagi yang masih belum diisi.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohammad Yasid Bidin berkata, sebelum ini, hanya 22 wakil sudah mengangkat sumpah sebagai ahli majlis.

"Jumlah keseluruhan Ahli Majlis MPK adalah seramai 24 orang.

"Selepas Mohd Prasad angkat sumpah, maka baki yang tinggal hanya seorang lagi," katanya.

Menurutnya, pihaknya hanya menunggu pengumuman kerajaan negeri berhubung wakil untuk mengisi kerusi berkenaan.

Mohd Prasad menandatangani surat akujanji ketika mengangkat sumpah pada mesyuarat bulanan MPK, semalam.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Jual barang tamat tempoh
Muka Surat	:	35

Jual barang tamat tempoh

BUKIT TINGGI - Sebuah pasar raya di sini, diserbu selepas didapati menjual barangan tamat tempoh dalam satu operasi khas Majlis Perbandaran Klang (MPK) bersama Jabatan Kesihatan sempena musim perayaan.

Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat MPK, Norhafiza Mahfiz berkata, pihaknya mengambil tindakan ke atas pasar raya tersebut setelah didapati melanggar Akta Makanan 1983.

"Barangan turut disita melibatkan beberapa produk makanan atas kesalahan label makanan, barangan tamat tempoh dan tin kemek dan rosak serta beberapa kesalahan lain.

"Operasi ini bertujuan untuk melindungi pengguna daripada bahaya kesihatan dan penipuan dalam penyediaan dan penjualan makanan seterusnya dapat mengawal makanan dalam kawasan pentadbiran MPK supaya sentiasa berkualiti, bersih dan bermutu," katanya.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Kanan), Mazlan Gany memeriksa barangan dalam operasi khas sempena perayaan di sebuah pasar raya.

Menurutnya, pengguna juga diharap agar sentiasa berwaspada terutamanya menjelang musim perayaan dengan mengambil kira kualiti, label bungkusan dan tahap kebersihan makanan.

"Jika memilih barangan dalam tin, pastikan ia tidak berkarat, menggelembung atau kemek serta mempunyai tarikh luput bagi mengelakkan masalah berkaitan kesihatan kelak.

"Premis yang menjual makanan sudah tamat tarikh luput, rosak, tercemar, tidak berlabel dan tidak mempunyai maklumat lengkap bakal berdepan tindakan tegas termasuk sitaan," katanya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 5 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	I-Blacklist cara baharu buru pesalah
Muka Surat	:	36

I-Blacklist cara baharu buru pesalah

